

Peluang terbaik rakyat bukti penghargaan — Muhyiddin

KOTA KINABALU 27 Jun — Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Kedah merupakan peluang terbaik bagi rakyat membuktikan penghargaan terhadap sumbangan dan pengorbanan besar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mcmimpin negara sejak 21 tahun lalu.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, penghargaan tersebut boleh ditunjukkan melalui sokongan terhadap Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya tersebut.

“Inilah masa terbaik rakyat membuktikan penghargaan kepada sumbangan Dr. Mahathir dengan memberi sokongan kepada BN,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mahkamah Tuntutan Tribunal Pengguna Kota Kinabalu di sini, hari ini.

Pilihan raya kedua-dua kerusi itu diadakan ekoran kematian wakilnya, Allahyarham Datuk Fadzil Noor pada 23 Jun lalu.

Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin semalam

memaklumkan secara rasmi kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengenai kekosongan kedua-dua kerusi berkenaan.

Muhyiddin berkata, BN menganggap semua pilihan raya sebagai penting kerana parti itu mahukan kemenangan setiap calonnya.

“Semua pilihan raya sama ada Dewan Undangan Negeri atau Parlimen adalah ujian besar sebab kita mahu menang lebih-lebih lagi bila berita peralihan diumumkan,” jelasnya yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.